

UM 17 MAY 2000

PM sedih nasib ibu dijangkiti virus HIV

IPOH 16 Mei — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa sedih terhadap nasib seorang suri rumah yang dijangkiti virus HIV melalui pemin-dahan darah yang dilaku-kan di Hospital Jitra akhir bulan lalu.

Beliau berkata, kesilap-an seperti itu tidak seha-rusnya berlaku jika pihak yang bertanggungjawab mengikut prosedur yang di-tetapkan.

“Saya berasa sedih kera-na ini berlaku. Sepatutnya dia tidak berlaku jika pro-sedur diikuti. Saya berpen-dapat bahawa kerajaan ha-rus kaji selidik supaya perkara seperti ini tidak berlaku lagi,” katanya.

Beliau berkata demikian

kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Ha-ri Guru Peringkat Kebang-saan 2000 di sini, hari ini.

Sehubungan itu, beliau berharap Menteri Kesihat-an dapat mengemukakan laporan penuh kepada ka-binet mengenai kejadian itu.

“Saya yakin, menteri ber-kenaan akan berbuat dem-i-kian,” tegasnya.

Dalam kejadian akhir bulan lalu itu, suri rumah terbabit telah dimasukkan ke Hospital Jitra pada 28 April bagi merawat mas-a-lah pendarahan haid yang dihadapinya.

Bagaimanapun hasil pe-min-dahan darah yang dila-kukan pada 29 April di hospital yang sama, ibu kepada empat anak berusia

antara 12 hingga 22 tahun itu telah disahkan doktor dijangkiti virus HIV.

Keadaan itu hanya dise-dari beliau pada 8 Mei lalu apabila dipanggil seorang doktor untuk menjalani ujian darah di Hospital Jitra. sebelum hasil ujian itu disahkan Hospital Alor Setar.

Berikutan kesilapan itu, suri rumah terbabit men-dakwa sering menggeletar serta pening dan muntah sejak memakan pil anti-HIV yang diberikan doktor pada 10 Mei lalu.

Di samping itu, beliau juga tidak mempunyai sele-ra makan dan terpaksa memakan 15 pil sehari ia-itu lima pada sebelah pagi, tengah hari dan malam.